

REAKSI ORANG MUDA



"AKTA Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) telah dipinda membolehkan mahasiswa terlibat dengan politik di luar kampus. Mahasiswa harus mengambil peluang untuk mengetahui dan mendapat tempat dalam politik sebagai anak muda yang berintelektual. Namun dinasihatkan agar tidak mengabaikan tanggungjawab utama sebagai seorang pelajar dan haruslah mewujudkan politik matang dan berintegriti, sesuai dengan status mahasiswa yang intelek."

MOHD. FADLILLAH MUKHATAR
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mahasiswa perlu tumpukan kepada pengajian sepanjang berada di universiti manakala penyertaan dalam politik dikemudiankan. Setujukah?

Utusan
16/12/2014
m/s : 8

"SAYA setuju dengan kenyataan bahawa mahasiswa perlu tumpukan kepada pengajian sepanjang berada di universiti, manakala penyertaan dalam politik boleh dikemudiankan. Mahasiswa perlu sedar bahawa mereka ke universiti untuk menimba ilmu dan perlu menghabiskan pengajian dengan cemerlang, bukannya terlibat dalam politik yang akhirnya memakan diri sendiri."

MOHAMAD ADIBSHAAZHAR SARPAN
Universiti Malaysia Kelantan

"MAHASISWA perlu menumpukan terhadap pengajian sepanjang berada di universiti. Namun, penyertaan di dalam bidang politik juga penting dan harus seimbang dengan pengajian kerana melalui saluran politik,



pelajar dapat menjana pemikiran sama ada dari segi mental, fizikal, kognitif maupun psikologi. Bagaimanapun ini tidak bermakna pelajar harus mencemarkan politik dengan elemen negatif tetapi kedua-duanya harus seimbang untuk memartabatkan pemikiran mahasiswa pada masa akan datang."

NOR AMIRAH ZAHUDIN
Universiti Utara Malaysia



"SAYA bersetuju dengan kenyataan tersebut bahawa mahasiswa seharusnya mengutamakan pengajian daripada melibatkan diri dalam politik. Seperti yang kita ketahui, ramai yang gagal menamatkan pengajian pada tempoh ditetapkan kerana terlibat dalam politik ekstrem. Tetapi tidak melibatkan diri bukan bermakna tidak mengambil tahu tentang politik, cukup sekadar mengikuti isu-isu semasa."

HANI NADIA ABD. KARIM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

